



PERTANDINGAN INOVASI UnIPSAS 2022

Pengenalan.

Pertandingan Inovasi UnIPSAS 2022 ini diadakan bagi menghimpunkan hasil inovasi daripada warga UnIPSAS dan tenaga pendidik lain dan memberi pengiktirafan serta penghargaan kepada individu/kumpulan yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pembudayaan inovasi.

Pertandingan Inovasi UnIPSAS 2022

Kategori ;

1. Kategori Pengurusan dan Pentadbiran
2. Kategori Kakitangan Akademik
3. Kategori Pelajar UnIPSAS
4. Kategori Pendidik Sekitar Daerah Kuantan

Tema :

1. Pengajaran dan Pembelajaran
2. Pengurusan Pendidikan

BORANG PENYERTAAN :


Google Form - shorturl.at/mDIV9 (UnIPSAS)

Google Form - shorturl.at/otAS8 (Guru-Guru)

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN KRITERIA PEMARKAHAN

1. Pertandingan Inovasi **UnIPSAS 2022** kategori 1, 2 dan 3 hanya terbuka kepada warga UnIPSAS sahaja. Kategori 4 dibuka kepada tenaga Pendidik Sekitar Kuantan.


2. Kriteria pemarkahan adalah seperti berikut :
 - a. Produk inovasi yang dipertandingkan mestilah ciptaan sendiri oleh pemohon dan ahli kumpulannya.
 - b. Status reka cipta produk inovasi yang dipertandingkan boleh diguna pakai sepenuhnya.
 - c. Produk inovasi mestilah mempunyai nilai komersil dan berpotensi untuk menyelesaikan masalah.
 - d. Impak produk inovasi kepada pengguna, alam sekitar dan perbezaan sebelum dan selepas produk diguna pakai.
 - e. Poster yang menerangkan produk inovasi.
3. Pemohon hendaklah menggunakan satu (1) borang sahaja bagi satu inovasi yang ingin dipertandingkan. SEORANG PEMOHON BOLEH MENYERTAI SATU KATEGORI PENYERTAAN SAHAJA. Borang *Goggle Form* boleh diakses menggunakan : shorturl.at/mDIV9 (UnIPSAS) dan shorturl.at/otAS8 (Guru-Guru).
4. Yuran Penyertaan sebanyak **RM 50.00** diwajibkan kepada kategori guru-guru (SMAN dan SRK/SMK). Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik menggunakan ruangan muatnaik pada borang penyertaan. Pembayaran melalui JomPay seperti di bawah :



JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah
Alih dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit


5. Akses kepada Borang Penyertaan akan ditutup pada **11 Julai 2022**, jam **5.00 petang**. Penyertaan adalah terhad kepada **30** penyertaan sahaja. (tertakluk kepada perubahan).
6. Produk inovasi yang akan dipertandingkan mestilah siap sedia di gerai/tempat pameran pada jam **8.30 pagi** , **27 Julai 2022 (Rabu)** sehingga tamat pameran pada hari yang sama jam **5.00 petang**.
7. Ruang pameran akan dibuka pada **26 Julai 2022 (Selasa)** bermula jam **2.30 petang** bagi memudahkan peserta membuat persediaan.
8. Perekacipta atau ahli kumpulan kepada inovasi yang dipertandingkan perlu berada di gerai/tempat pameran sepanjang pameran berlangsung.
9. Peserta yang gagal berada di tempat pameran sepanjang pameran berlangsung akan mengakibatkan penyertaan terbatal dan tidak akan dianugerahkan sebarang anugerah walaupun terpilih sebagai pemenang.
10. Hadiah berupa pingat dan sijil akan diberikan kepada pemenang adalah seperti berikut :
Hadiah-hadiah pemenang (semua kategori) (*bergantung kepada penyertaan*)
Emas , Perak, Gangsa; (Tertakluk kepada perubahan)

11. Pihak penganjur berhak untuk mengubah jumlah atau sebarang bentuk hadiah tanpa maklumat kepada para peserta.
12. Penganjur akan menyediakan meja. Peserta digalakkan membawa penyambung bekalan elektrik.
13. Peserta dikehendaki menyediakan bunting bersaiz 2 X 5 kaki yang menerangkan produk inovasi. Bunting menerangkan produk/projek inovasi akan di kira dalam penjurian. Rajah disertakan di bawah.
14. Pihak penganjur berhak memutuskan kaedah penentuan pemenang sekiranya jumlah penyertaan kurang daripada jumlah yang sesuai.
15. Keputusan pertandingan akan ditentukan oleh panel hakim yang dilantik. Keputusan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.



Bunting bersaiz 2' X 5', mempunyai 4 lubang pada setiap penjuru.

GAMBAR PESERTA :



TAJUK INOVASI:

Nama Peserta 1 :

Nama Peserta 2 :

Nama Peserta 3 :

PENERANGAN PRODUK

IMPAK (Kos/Masa/Pengurusan Bahan/Faedah Yang Berkaitan)

OBJEKTIF

GAMBAR INOVASI

**CONTOH POSTER/BUNTING INOVASI :
SUSUN ATUR ADALAH BEBAS MENGIKUT KREATIVITI
PESERTA**